

Usah termasuk jerat 'juang' di Syria

KRISIS di Syria telah menarik perhatian ramai penunggal militan ataupun askar speshal dari negara-negara lain.

Ini termasuk penyertaan anggota militan dari rangkaian penggerak Al-Qaeda dari Iraq, kumpulan militan Hezbollah dari Iran.

Salah satu akibat daripada penyertaan militan asing ke Syria ialah sengketa yang menjadi lebih sengit dan membunaskan.

Militan asing ialah mempunyai bujukan emosi dengan Syria ataupun rakyat, budaya, tradisi atau usman negara berkenaan.

Oleh itu, mereka tidak terlah risau jika tindakan ganas mereka menghancurkan Syria.

Kehadiran mereka meningkatkan skala krisis kemanusiaan, menyokongkan penyeksaran politik, menyebabkan konflik berpanjangan dan menambah kesan negatif kepada negara dan rantau itu.

Sejak krisis bermula tiga tahun lalu lebih hampir 150,000 orang telah terkorban, 6.5 juta rakyat Syria kehilangan tempat tinggal dan lagi 2.5 juta kini menjadi pelarian di negara-negara jiran seperti Jordan, Turkey dan Iraq.

PENGIKUT AL-QAEDA KINI DI SYRIA.



PIHAK-PIHAK BERTELAGAH



Keganasan bukan ajaran sebenar Islam, kata pemimpin agama Singapura

► **NIZAM ISMAIL**
nizam@sph.com.sg
► **ADLI YASHIR KUCHIT**
adli@sph.com.sg

MASYARAKAT di Singapura dinasihatkan supaya jangan terpedaya dengan seruan menyertai konflik ganas bersenjata di Syria.

Perbuatan tersebut akan hanya memburukkan keadaan serta menambah kemusnahan di negara itu dan ia tidak dituntut agama atau negara.

Yang diperlukan ialah usaha secepat bagi mencari penyelesaian politik demi menamatkan krisis dan menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada jutaan pelarian Syria yang menjadi mangsa sengketa sejak tiga tahun lalu itu.

Ini ditekan beberapa pemimpin masyarakat Melayu/Islam Singapura apabila diminta mengulas mengenai apa yang kononnya dikatakan 'fatwa' yang tersebar menerusi media sosial, yang menyeru umat Islam menyertai 'jihad' di Syria.

Krisis di Syria, yang memasuki tahun keempat, telah mengorbankan lebih 146,000 jiwa dan jutaan rakyat negara itu kehilangan tempat tinggal, dengan lebih 2.5 juta penduduk kini menjadi pelarian di negara-negara jiran seperti Jordan, Turkey dan Iraq.

Pengerusi Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), Ustaz Haji Ali Haji Mohamed, berkata perbuatan menyertai konflik ganas di Syria tidak wajar kerana ia bukan sesuatu yang dituntut agama atau negara.

"Menyertai konflik bersenjata mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Saya berharap masyarakat kita dapat memahami tuntutan sebenar agama," ujar beliau.

Ustaz Haji Ali, yang juga pengerusi Masjid Khadijah, berkata RRG akan meneruskan usaha meningkatkan kesedaran masyarakat agar dapat mengelak daripada terpengaruh dengan fahaman radikal dan ganas.

Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar merangkap Ehwal Dalam Negeri), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, berkata beliau memerhatikan krisis di Syria telah menarik ramai anggota militan asing dari banyak negara menyertai konflik ganas bersenjata di sana.

Beliau menggesa masyarakat Singapura supaya tidak termakan dengan seruan menyertai sengketa Syria kerana perbuatan sedemikian boleh menyebabkan kecederaan dan korban jiwa.

Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA) sedang menyiasat dakwaan bahawa seorang rakyat Singapura, yang asalnya warga India, telah pergi ke Syria untuk menyertai konflik bersenjata.

Mengulas perkara ini, Encik Masagos berkata: "Saya gembira orang awam telah menyampaikan maklumat kepada pihak berkuasa tentang perkara ini. Saya harap orang ramai akan terus memberikan maklumat jika mereka syaki teman atau anggota keluarga mereka telah menjadi radikal atau mempunyai rancangan menyertai konflik ganas bersenjata biarpun di luar negara," kata Encik Masagos.

Semalam, khutbah Jumaat juga mengingatkan umat Islam agar lebih peka dan bersikap berhati-hati apabila terbaca fatwa-fatwa dan pendapat individu yang menyeru Muslimin supaya membunuh yang lain.

Pengurus Darul Huffaz, Ustaz Firdaus Yahya, pula berharap masyarakat dapat bersama-sama mencari penyelesaian sengketa dan mengembalikan kedamaian di Syria. Beliau mendapati Syria kini berada dalam kancah konflik politik yang kian meruncing dan keadaan dikeruhkan lagi oleh sokongan dan tentangan beberapa negara dan pihak-pihak luar.

"Ia bak api yang sedang merebak. Tugas kita di luar bukanlah untuk mencampakkan diri kita ke dalam kawasan berapi itu dengan harapan dapat mengurangkan kemarakan api dari dalam.

"Sebaliknya, berusaha membantu meredakan kemarakan api dan akhirnya memadamkannya dari luar," kata Ustaz Firdaus.

Sementara itu, beberapa orang berkata yang lebih diperlukan rakyat Syria ialah bantuan kemanusiaan bagi membantu mengurangkan penderitaan mereka, khususnya kanak-kanak, yang menjadi mangsa sengketa berdarah itu.

Dalam hal ini, pengasas laman pengajian agama, SimplyIslam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur, menggesa rakyat Singapura supaya menghulurkan bantuan menerusi badan-badan yang diiktiraf, seperti Yayasan Rahmatan Lil Alamin dan Angkatan Karyawan Islam (AMP), yang sedang mengendalikan usaha mengumpul dana bagi pelarian Syria di Turkey.